

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]**  
**TARIKH** : **9.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan Program Susu 1Malaysia PS1M bagi memastikan pengagihan berlaku secara berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pemantauan sentiasa dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi memastikan pengagihan berlaku dengan berkesan dan selamat. Semua gudang dan tempat penyimpanan susu dipastikan mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan sebelum dibenarkan menyimpan susu. Konsep yang digunakan untuk pengedaran susu adalah konsep FIFO (*First in, First out*). Segala kelemahan atau permasalahan akan dibincangkan di peringkat Kementerian melalui Jawatankuasa *Task Force* Program Susu 1Malaysia. Satu Buku Garis Panduan Pelaksanaan Program Susu 1Malaysia juga diedarkan ke semua sekolah di samping Cakera Padat (CD) berkaitan kaedah meminum SUSU.